

## Peribahasa Arab

Peribahasa atau perumpamaan dalam bahasa Arab ialah sesuatu tutur kata yang indah, sedikit pengucapannya tetapi banyak pengertiannya dan luas maknanya. Kata-kata hikmah ini kadang-kadang diucapkan oleh seorang pujangga, seorang penyair, dan kadang-kadang diperkatakan oleh seorang manusia biasa tetapi berasal dari suatu peristiwa, yang kemudiannya menjadi teladan dan perbandingan turun-temurun.

Di bawah ini saya nukilkan setengah-setengah daripada perumpamaan dan peribahasa Arab itu, yang mungkin ada gunanya untuk tatapan para pembaca.

(Oleh ‘Ayn. Jīm)

“Yang kudengar suara kisan tetapi tak ada gandum yang dikisar.”

Perumpamaan asalnya dalam bahasa Arab: “*Arā ja’ja’atu wa lā arā ṭuḥnā*”

Suara kisan gandum itu bisung, kalau dijalankan untuk mengisar gandum memanglah ada gunanya, tetapi kalau tidak digunakan untuk mengisar sia-sialah sahaja dan hanya untuk memekakkan telinga.

Dimaksudkan bagi seseorang yang hanya pandai berkata-kata sahaja, tetapi tidak boleh melakukan segala perbuatan yang pernah dicakapkannya itu.

(2) Atau dimaksudkan bagi orang yang tidak tahu menepati janji, perumpamaan Melayu yang hampir-hampir serupa dengan ini ialah: “Cakap berdegar-degar – tahi tersangkut di gelegar.”

Asal bermulanya perumpamaan tersebut ialah daripada kejadian sehari-hari, di negeri Arab boleh dikatakan kebanyakan mereka itu menjadikan gandum sebagai makanan mereka yang

paling utama, tetapi gandum itu bukannya dimakan begitu sahaja, melainkan setelah dikisar dijadikan tepung dan tepung itulah yang dijadikan makanan utama mereka. Kerana kejadian yang selalu dapat dilihat dan berlaku di negeri mereka ialah bagaimana cara mereka mengisar gandum, dan apa akibatnya kalau kisan itu dijalankan dengan tidak ada barang yang dikisarnya, maka itulah yang dapat dijadikan perbandingan mereka.

\* \* \*

“Lebih lapar daripada anjing Hawmal”

Perumpamaan asal dalam bahasa Arab: “*Ajū’ min kalbatun Ḥawmal*”

Hawmal: ialah nama seorang wanita Arab yang terkenal bakhil dan kikirnya.

Perumpamaan ini dimaksudkan bagaimana sepatutnya memperlakukan ke atas seorang jahat yang tidak berbudi. Kepada mereka itu memang sudah sepatutnya dilakukan

kekasaran dengan tidak ada belas kasihan, kerana dengan melakukan secara demikian ia akan didapati lebih taat setia dan mengikut kata. Tetapi kalau dilakukan lemah lembut kepada mereka ia akan terus manja dan tidak akan ada siapa yang ditakutinya. Biasa disebut dalam percakapan: “Sudah sepatutnya ia diperlakukan demikian kerana dia adalah seperti anjing Hawmal.”

(3) Dimaksudkan juga perumpamaan ini untuk menunjukkan bagaimana sepatutnya orang-orang besar melakukan kepada orang-orang bawahannya. Kerana orang-orang bawahan ini pada kebiasaannya kalau diperlakukan dengan secara berlemah lembut, ia tidak akan takut dan tidak akan menghormati orang-orang atasannya, tetapi sebaliknya bila diperlakukan dengan kekasaran ia akan patuh dan akan sentiasa menghormati orang-orang besarnya.

Berasalnya perumpamaan ini daripada cerita yang didengar mengenai Hawmal wanita Arab yang terkenal bakhil dan kikir itu. Ia dikatakan ada mempunyai seekor anjing yang selalu disuruh untuk menjaga rumahnya di waktu malam, tetapi di waktu siang anjing itu dahulunya dari rumahnya untuk mencari makanan sendiri. Hingga pada suatu malam kerana tersangat laparnya anjing itu, ada orang yang melihat anjing itu memakan ekornya sendiri sambil menjerit-jerit dan meraung-raung.

\* \* \*

“Tak tentu hala, seperti memungut kayu api di malam hari.”

Perumpamaan asalnya dalam bahasa Arab ialah:

“*Akhbatu min khātib al-Layl.*”

Dimaksudkan bagi seseorang yang selalu tidak teratur atau tidak tersusun segala kerja yang dilakukannya,

hingga selalu terkejut dan tidak dapat mencari sesuatu yang dikehendaki, atau tidak dapat membezakan antara mana yang baik yang hendak digunakan dan mana yang tidak baik tak mahu digunakan.

Berasalnya perumpamaan ini, juga daripada kejadian sehari-hari yang kerap berlaku di dalam masyarakat mereka. Bangsa Arab pada zaman dahulu kebanyakannya suka mengembara untuk perniagaan atau untuk pemburuan, mereka selalu mengadakan pengembaraan itu sampai berminggu-minggu malahan ada yang sampai berbulan-bulan. Barang di mana sahaja mereka berjumpa malam di sanalah mereka mendirikan perkhemahan untuk bermalam. Di hadapan khemah yang didirikan oleh mereka itu, di situlah selalunya mereka mengadakan samrah (suka ria di waktu malam) sambil mengadakan jamuan dari barang-barang perbekalan mereka atau dari hasil binatang-binatang buruan mereka. Ketika itu adalah di antara mereka yang ditugaskan untuk memungut dan mengumpulkan kayu api untuk berdiang atau untuk memasak segala makanan yang akan dihidangkan kelak.

Tatkala itulah berlakunya perumpamaan ini, oleh kerana yang ditugaskan mencari kayu itu adakalanya kerana asyik mendengar lagu-lagu suara merdu dari kawan-kawannya yang lain, atau kerana hari telah gelap senja hingga ia tidak dapat memilih mana kayu yang baik dan kayu yang tidak baik untuk menjadi kayu api mereka.

\* \* \*

“Batu itu daripada pergunungan”

Asal perumpamaannya di dalam bahasa Arab ialah:

“*Al-ḥaṣat min al-Jabal*”

Perumpamaan ini selengkapnya ialah: “Dari mana datangnya batu kalau tidak dari pergunungan.” Perumpamaan

ini hampir-hampir serupa dengan pepatah Melayu yang berbunyi:

“Dari telaga yang keruh masakan mengalir air yang jernih?” Maksudnya buruk atau baiknya perangai seseorang kanak-kanak itu adalah menurut dan mengikut baik atau buruk perangai ayah dan ibunya. Kalau ibu bapanya terdiri daripada orang baik-baik tentulah anak itu akan tahu beradab sopan dan baik budi pekertinya, tetapi kalau ibu bapanya terdiri daripada orang-orang yang buruk perangai dan budi bahasanya masakan dapat anaknya menjadi baik budi bahasanya?

(2) Dimaksudkan juga perumpamaan ini bagi balasan atau ganjaran buruk atau jahat yang didapati oleh seseorang, kalau niat atau maksud seseorang itu baik di dalam melakukan sesuatu pekerjaan dihadapinya itu, akan baik jugalah balasan yang didapatinnya, tetapi sebaliknya kalau ia melakukan sesuatu itu dengan niat atau maksud yang buruk maka akan dapatlah balasan yang buruk juga kelak.

Berasalnya perumpamaan ini ialah daripada apa yang kerap dilihat sehari-hari. Sebutir batu itu biar di mana ia dijumpai, orang akan tahu asalnya batu itu ialah dari pergunungan. Biar pun ia dijadikan penambak di lembah-lembah, atau dijadikan landasan untuk rel-rel keretapi, atau disebarikan di jalan-jalan raya, namun orang akan mengenalinya batu itu asalnya dari gunung-ganang juga.

\* \* \*

“Jangan dimusuhi orang yang bila berkata dikotakannya “

Asal peribahasa ini di dalam bahasa Arab:

“*Lā takhāsama man idhā qāla fa ‘al*”

Maksudnya seseorang yang rajin bekerja atau seseorang yang bersungguh-sungguh di dalam menghadapi pekerjaannya itu, janganlah dipermudah-mudahkan atau dimusuhi dengan memberat-beratkan kerja yang memang telah berat itu, kerana perbuatan seperti itu bukan sahaja akan menyebabkan ia jemu, malahan akan menyebabkan bahayanya kepada yang memusuhinya kelak.

Dikatakan asalnya perumpamaan ini ialah dari suatu peristiwa bila seorang pemuda yang rajin bekerja dan bersungguh-sungguh di dalam menghadapi pekerjaannya telah dimusuhi oleh seorang pemuda lain yang lebih tinggi pangkatnya daripada orang yang pertama tadi. Dilakukan perbuatan ini ialah kerana khuatir atau cemburu kalau-kalau pangkatnya kelak akan dapat dicapai oleh pemuda tadi. Kerana sengaja dia memusuhi pemuda itu dengan tujuan supaya ia bosan bekerja atau tidak terbuat semua kerja-kerja itu lalu berhenti daripada pekerjaannya, tetapi segala sangkanya dan harapan orang yang berhati dengki itu tidak berjaya, malahan memang segala kerja-kerja yang dilakukan oleh pemuda yang dibenci itu memuaskan hati majikannya yang menyebabkan pangkatnya dinaikkan lagi, sedang pemuda yang berhati dengki itu kedapatan tidak memuaskan kerja-kerja yang dilakukannya lalu diturunkan pangkat.



SUDAH TERBIT

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada:—

QALAM

356/8, GEYLANG ROAD

Singapore 14.